

**Institusi Pendidikan Lahir Insan Kamil Sebagai Benteng Cegah Pengaruh Budaya  
Songsang - Muhyiddin  
Bernama  
2 Mei, 2013**

MARANG, 2 Mei (Bernama) -- Sistem pendidikan di negara ini memberi penekanan ke arah usaha melahirkan insan kamil yang akan menjadi benteng bagi mencegah pengaruh budaya songsang di kalangan generasi muda, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata sistem pendidikan yang lemah boleh mendedahkan generasi baru hari ini kepada pengaruh luar yang bertentangan dengan agama dan budaya rakyat negara ini.

Beliau yang juga Menteri pelajaran berkata ada pihak yang cuba untuk membawa dan mempromosikan budaya liberalisme, pluralisme, lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) ke negara ini yang boleh mengancam masa depan generasi baru di negara ini.

"Pendidikan akan menjadi benteng untuk pertahan mereka daripada dicerobohi budaya-budaya asing, amalan songsang yang sedang berlaku dalam negara kita... yang cuba dipromosikan oleh sesetengah puak," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Payong di sini yang turut dihadiri kira-kira 5,000 penduduk setempat.

Muhyiddin berkata institusi pendidikan bukan sahaja berperanan melahirkan insan yang berilmu tetapi juga insan yang holistik malah juga "kamil" iaitu lengkap dengan pengetahuan adab pekerti dan akhlak yang mulia.

Menurutnya jika anak-anak tidak dibekalkan dengan ilmu yang lengkap mereka tidak akan dapat membezakan mana yang benar ataupun salah di sisi agama dan budaya.

"Sebab itu dalam sistem persekolahan kita saya mengajak guru-guru di sekolah bukan hanya mengajar kerana mereka telah dilatih untuk membolehkan mereka membimbing, mendidik dan menjadi contoh kepada pelajar," katanya.

Muhyiddin berkata agenda pembangunan negara bukan setakat pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan agama, malah juga melibatkan bidang pendidikan sebagaimana yang ditekankan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Beliau berkata untuk meneruskan dasar tersebut kerajaan memerlukan sokongan dan mandat daripada rakyat pada pilihan raya umum ke-13.

"Kita mahu masa depan yang lebih terjamin dan stabil dan memerlukan pimpinan yang mampu mengangkat martabat bangsa dan agama ke satu kedudukan lebih tinggi," katanya.

Katanya negara memerlukan pimpinan yang berpengalaman ketika zaman senang dan susah sejak lima dekad yang lalu sebagaimana yang telah dibuktikan oleh BN.

Dalam pada itu, Muhyiddin melahirkan keyakinannya rakyat di Terengganu akan sekali lagi menolak PAS termasuk di kubu kuatnya di Rhu Rendang dan Marang pada PRU13 kali ini.

Katanya BN Terengganu telah mencapai rekod yang baik sejak memerintah negeri ini.

"Di Malaysia kita telah buktikan 56 tahun bukan tempoh masa yang sia-sia... di Terengganu dalam bidang pendidikan tidak ada negeri yang dapat menandinginya," katanya merujuk kepada pencapaian cemerlang pelajar-pelajar di negeri ini dalam peperiksaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947035>